

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

## 95 peratus jangkitan HIV berpunca aktiviti seks berisiko

**Kota Bharu:** Trend jangkitan penyakit *Human Immunodeficiency Virus* atau HIV dilihat semakin berubah mengikut peredaran zaman.

Pakar Perubatan Am dan Penyakit Berjangkit, Hospital Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Alwi Muhd Besari @ Hashim, berkata jika dilihat sejak 10 hingga 15 tahun dahulu, 70 hingga 80 peratus kes jangkitan HIV adalah berpunca daripada perkongsian jarum suntikan dalam kalangan penagih dadah.

Bagaimanapun, katanya, kini hampir 95 peratus jangkitan kes HIV berpunca daripada aktiviti seks berisiko, iaitu homoseksual antara lelaki dengan lelaki dan hetroseksual, lelaki dengan wanita, tetapi saling bertukar pasangan.

"Berdasarkan statistik di Klinik Penyakit Berjangkit Hospital USM, paling ramai pesakit HIV yang mendapatkan rawatan adalah mereka yang berusia antara 22 hingga 35 tahun.

"Ini disebabkan aktiviti yang membawa kepada jangkitan HIV adalah lebih lazim dalam kalangan golongan usia sebegini," katanya dalam kenyataan.

### Ibu bapa perlu pantau

Dr Alwi berkata, aktiviti seperti seks berisiko, perkongsian jarum suntikan dadah berlaku seawal usia 15 hingga 20 tahun dan mereka dikesan menjadi positif selepas beberapa tahun terbit dalam aktiviti berisiko itu.

"Golongan ini dikesan menjadi positif selepas beberapa tahun terbit dalam aktiviti berisiko berkenaan dan dalam hal ini peranan ibu bapa amat penting kerana aktiviti penularan HIV bermula sejak awal remaja kerana pada masa itu mereka berada di rumah.

"Ibu bapa perlu mengambil tahu dengan siapa anak mereka berkawan, selain memantau penggunaan gajet agar tidak disalah guna oleh anak seperti melayari laman lucah, pornografi dan tidak memuat turun aplikasi yang boleh menjurus kepada berlaku aktiviti seks yang berisiko," katanya.

Beliau berkata, amat penting untuk seseorang individu meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai agama yang diharap mampu menjadi benteng daripada terjebak dengan aktiviti yang boleh membawa kepada jangkitan HIV.

"Selain itu, elak diskriminasi, menghukum dan melabel setiap sahaja yang dijangkiti HIV dengan stigma yang negatif seperti yang lazimnya berlaku," katanya.

Penularan COVID-19

# Virus kerap mutasi punca antibodi kurang berkesan

## KKM nasihat masyarakat dapatkan dos penggalak tingkat imunisasi badan

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kekerapan virus COVID-19 bermutasi menyebabkan antibodi yang terhasil kurang berkesan dalam melindungi pesakit daripada mengalami jangkitan berulang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata virus penyebab COVID-19, iaitu SARS-CoV-2 adalah virus RNA yang sering menghasilkan varian baharu.

Beliau menjelaskan, antibodi yang terhasil akan mulai berkurangan dalam tempoh tertentu selepas jangkitan.

"Bergantung kepada sistem imun individu, individu yang dijangkiti COVID-19 akan menghasilkan antibodi terhadap jangkitan itu.

"Bagaimanapun, virus penyebab COVID-19 sering bermutasi dan menghasilkan varian baharu.

"Oleh itu, antibodi yang terhasil daripada jangkitan awal disebabkan oleh varian dahulu kurang berkesan terhadap varian baharu SARS-CoV-2 terkini yang berada di persekitaran," katanya kepada BH.

Berdasarkan laman sesawang KKMNow, jangkitan COVID-19 sehingga kelmarin merekodkan penambahan 1,671 kes baharu dengan keseluruhan 26,578 kes aktif dilaporkan sehingga kini.

Oktober lalu, Kementerian Kesihatan (KKM) memberi amaran Malaysia berdepan gelombang



Rakyat digalakkan amal gaya hidup sihat dan kekal memakai pelitup muka di kawasan tumpuan ramai supaya terhindar daripada jangkitan COVID-19. (Foto hiasan)

kecil XBB, subvarian kepada varian Omicron yang dijangka menyebabkan peningkatan jangkitan COVID-19 antara 3,000 hingga 5,000 kes sehari dalam beberapa minggu mendatang.

### China temui virus baharu

Berdasarkan laporan *Mail Online* baru-baru ini, pasukan penyelidik di China menemukan virus baharu menyerupai COVID-19 dalam tubuh kelawar di selatan negara itu dan dikhuatiri berpotensi menjangkiti manusia dan haiwan ternakan.

Penyelidik di China mengambil sampel daripada 149 kelawar membabitkan 15 spesies di seluruh wilayah Yunnan dan menemui lima jenis virus baharu yang membimbangkan.

Satu daripadanya adalah virus

Antibodi yang terhasil daripada jangkitan awal disebabkan oleh varian dahulu kurang berkesan terhadap varian baharu SARS-CoV-2 terkini yang berada di persekitaran

Dr Noor Hisham Abdullah,  
Ketua Pengarah Kesihatan



seperti COVID-19 dikenali sebagai BtSY2 yang mempunyai persamaan dengan SARS-CoV-2.

Dr Noor Hisham berkata, KKM menasihatkan masyarakat mendapatkan vaksin dos penggalak bagi memastikan tahap antibodi dapat ditingkatkan semula.

Beliau berkata, ia juga dapat mengurangkan risiko mendapat penyakit serius jika dijangkiti COVID-19.

"Amalkan gaya hidup yang sihat dan selamat supaya terhindar daripada bahaya jangkitan COVID-19," katanya.

## Malaysia hargai pengiktirafan tinggi WHO

**Kuala Lumpur:** Jawatankuasa Lembaga Eksekutif Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mengucapkan tahniah kepada Malaysia kerana dilantik sebagai Jawatankuasa Tetap Pencegahan Kecemasan Kesihatan, Kesiediaan dan Tindak Balas.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Malaysia antara

Ahli Lembaga Eksekutif yang dilantik bersama Jepun untuk mewakili Wilayah Pasifik Barat.

"Malaysia menghargai pengiktirafan tinggi oleh negara anggota dan akan memenuhi tanggungjawab kami dalam tempoh pelantikan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, jawatankuasa te-

tap itu berperanan untuk memberikan panduan dan nasihat kepada WHO.

"Jawatankuasa tetap ini berperanan untuk memberi panduan kepada Lembaga Eksekutif dan menasihatkan Ketua Pengarah WHO (Tedros Adhanom Ghebreyesus) mengenai perkara berkaitan pencegahan kecemasan kesihatan, kesiediaan dan

tindak balas, serta kapasiti segera Program Kecemasan WHO.

"Jawatankuasa tetap berkenaan perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun untuk menjalankan kerja tetapnya serta memutuskan untuk mengadakan mesyuarat luar biasa bagi menangani perkara mendesak," katanya.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 11  
 RUANGAN : NEGARA

## MHTC terima 30 *Pocketalk*, memudahkan komunikasi

**KUALA LUMPUR** – Bagi memudahkan komunikasi dengan pesakit luar negara, sebanyak 30 peranti terjemahan bahasa dikenali *Pocketalk* diterima Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia (MHTC) di sini semalam.

Sumbangan itu diserahkan rakan kongsi digitalnya, Trambellir Sdn. Bhd.

*Pocketalk* yang menterjemah sehingga 75 bahasa dan dialek akan digunakan di beberapa 'touchpoint' di seluruh ekosistem penjagaan kesihatan Malaysia, termasuk Malaysia Healthcare Concierge and Lounge di lapangan terbang antarabangsa utama.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd. Daud Mohd. Arif, berkata, penyerahan ini merupakan sebahagian usaha MHTC untuk mengukuhkan ekosistem penjagaan kesihatan bersama-sama pihak berkepentingan kepada pesakit antarabangsa.

"Dengan peningkatan kemudahan komunikasi ini, kami pasti ramai pelancong perubatan sama ada dari pasaran sedia ada atau baharu akan datang ke Malaysia bagi mengalami pengalaman pelancon-

gan kesihatan terbaik.

"Perkara ini secara tidak langsung akan memberi Malaysia kelebihan daripada segi kelebihan daya saing, peneraju dalam pasaran serta peluang untuk menguasai pasaran baharu," katanya pada Majlis Pelancaran *Pocketalk* di sini.

Selain itu kata Mohd. Daud, antara inisiatif MHTC untuk menggalakkan digitalisasi, adalah dengan memperkenalkan pembayaran secara elektronik (e-pay) dan perkhidmatan konsultasi dalam talian (e-consultation) pada masa akan datang.

Sementara itu, Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Trambellir Sdn. Bhd., So Iizuka, berkata, perbezaan bahasa menjadi halangan besar pelancong perubatan sekali gus membantutkan kelancaran mereka dalam mendapatkan servis di Malaysia.

"Kami percaya peranti *Pocketalk* akan menjadi alat terbaik untuk menangani masalah pesakit dalam menghadapi cabaran perbezaan bahasa dan meningkatkan pengalaman keseluruhan mereka di negara ini," katanya.



**PENGARAH** Urusan *Pocketalk* Corporation, Tsutomu Ishiyama (kiri), menyerahkan peranti *Pocketalk* kepada Mohd. Daud pada Majlis Pelancaran *Pocketalk* di Hotel Pullman semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 25

RUANGAN : NASIONAL

## Jangkitan baharu HIV turun 70 peratus dalam tempoh 20 tahun

**SEREMBAN** - Jangkitan baharu HIV atau AIDS di negara ini mencatatkan penurunan sebanyak 70 peratus dalam tempoh 20 tahun kebelakangan ini, kata Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Norhayati Rusli.

Beliau berkata, rawatan ubat antiretroviral (ARV) kepada orang yang hidup dengan HIV (ODHA) telah dipertingkatkan kepada 66 peratus pada tahun lepas berbanding 28 peratus pada 2015.

"Kadar penurunan kes HIV dan peningkatan liputan rawatan ini masih belum mencukupi untuk negara membendung AIDS sehingga ia tidak lagi menjadi isu kesihatan awam menjelang 2030.

"Justeru, dalam memastikan kesaksamaan dicapai, ketersediaan, kualiti dan kesesuaian perkhidmatan rawatan, ujian dan pencegahan HIV mesti dipertingkatkan," katanya berucap pada Majlis Sambutan Hari AIDS Sedunia Peringkat Kebangsaan 2022 bertemakan 'Equalize: Kesaksamaan untuk kesihatan bagi mengakhiri AIDS' di sini pada Khamis.

Beliau berkata, perkhidmatan *Differentiated HIV Services for Key Populations* (DHSKP) Model KK 2.0 yang dilaksanakan di 31 klinik kesihatan dengan kerjasama pintar kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) akan diperluas bagi meningkatkan pe-



**DR NORHAYATI**

nyampaian perkhidmatan.

Beliau berkata, kerajaan akan terus memberikan perhatian penuh menangani HIV dan merealisasikan kesaksamaan ke arah matlamat mengakhiri AIDS menjelang 2030.

Sementara itu, Timbalan Presiden Majlis AIDS Malaysia (MAM) Dr Dinesh Mahalingam berkata, transmisi HIV secara seksual dalam kalangan golongan belia berumur 13-39 tahun membimbangkan berdasarkan peningkatan 80 peratus bagi golongan itu.

Beliau berkata, strategi khusus perlu dirancang bagi menangani permasalahan tersebut serta usaha berterusan dalam meningkatkan peratusan ARV dalam kalangan pesakit, sehingga tahun lepas hanya mencapai 66 peratus mengikut 'HIV Testing and Treatment Cascade'.

Menurut Dr Dinesh, sekurang-kurangnya pelaburan RM10 juta hingga RM12 juta setahun diperlukan untuk merencanakan penggabungan tenaga di peringkat akar umbi dan dapat memberikan hasil secara jangka panjang.

Katanya, MAM sentiasa berpegang teguh kepada prinsip nilai-nilai kemanusiaan bahawa setiap individu tanpa mengira bangsa, kepercayaan, gender berhak hidup sihat dan bebas daripada ancaman diskriminasi dan prejudis. - Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1-2

RUANGAN : DALAM NEGERI

## Tunaikan janji tubuh Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan

Oleh **MOHD. FADHLI  
MOHD. SULAIMAN**  
fadhli.sulaiman@mediamulla.com.my

**PETALING JAYA:** Hartal Doktor Kontrak menggesa kerajaan perpaduan diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim merealisasikan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan Negara dalam tempoh lima tahun pentadbirannya.

Ia selaras dengan manifesto Pakatan Harapan (PH) dalam buku Tawaran Harapan PRU15 yang menawarkan reformasi dalam bidang kesihatan awam demi kesejahteraan rakyat negara ini.

Penubuhan suruhanjaya itu bagi menangani masalah dihadapi doktor-doktor perubatan yang masih berstatus kontrak di dalam Kementerian Kesihatan, sekali gus membantu perkembangan kerjaya mereka dalam bidang perubatan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
 MUKA SURAT : 1-2  
 RUANGAN : DALAM NEGERI

## Tunaikan janji tubuh Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan

Dari muka 1

Sebahagian dalam kalangan doktor kontrak berdepan masalah dilantik ke jawatan tetap sejak sekian lama, yang menjurus kepada mogok besar-besaran di seluruh negara pada Julai 2021, bagi menuntut hak sama seperti pegawai perubatan lantikan tetap.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, jurucakap gerakan Hartal Doktor Kontrak, Dr. Muhammad Yassin berkata, pihaknya akan terus menggesa kerajaan memenuhi tuntutan itu sekurang-kurangnya dalam tempoh dua tahun pertama penggal Parlimen baharu ini.

“Selepas Kabinet berjaya dibentuk nanti, kami akan cuba berjumpa secara bersemuka dengan Menteri Kesihatan yang baharu untuk mengetahui *stand point* beliau dalam isu ini.

“Suruhanjaya ini sudah lama kami cadang untuk kerajaan tubuhkan memandangkan sistem kesihatan ini penting khususnya pasca Covid-19. Dengan adanya suruhanjaya, lebih mudah untuk membuat perjawatan baharu dan tidak lagi tertakluk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

“Kementerian Kesihatan pula mempunyai lebih autonomi dalam membuat keputusan terutama berkenaan polisi dan perjawatan. Jadi, saya berharap, dalam Kertas Putih Kesihatan yang sepatutnya dibentang nanti, suruhanjaya dapat ditu-



**Selepas Kabinet berjaya dibentuk nanti, kami akan cuba berjumpa secara bersemuka dengan Menteri Kesihatan yang baharu untuk mengetahui *stand point* beliau dalam isu ini.”**

buhkan dan kerajaan baharu menyokong penuh dasar ini,” katanya ketika dihubungi semalam.

Selain penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan Negara dinyatakan dalam buku Tawaran Harapan PRU15, PH ketika itu sebagai pembangkang antara lain menawarkan penubuhan Suruhanjaya Kesihatan.

Ia bertujuan merangka dan memantau pelaksanaan Pelan Reformasi Kesihatan Negara bersama Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan bagi menangani isu-isu sistemik termasuk pembiayaan

penjagaan kesihatan, pemusatan kuasa dan kerjasama awam dan swasta (PPP).

Pada Ogos lalu, Menteri Kesihatan era Barisan Nasional (BN) dan Perikatan Nasional (PN), Khairy Jamaluddin mempertimbang cadangan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan melalui dokumen Kertas Putih Kesihatan, bagi membolehkan pengurusan lebih terancang khusus untuk meningkatkan jumlah perjawatan serta elaun pekerja kementerian itu.

Bagaimanapun, rancangan tersebut dijangka tidak dapat diteruskan memandangkan bekas ahli Parlimen Rembau itu tewas dalam PRU15 dan tidak lagi berpeluang memegang sebarang jawatan dalam Kabinet.

Kabinet sebelum ini menawarkan penambahbaikan faedah-faedah pegawai perubatan kontrak seperti kesetaraan kerjaya pegawai tetap dan ditawarkan cuti belajar bergaji penuh, tajaan pengajian setara dengan cuti belajar bergaji penuh dan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP).

Mengulas lanjut, Muhammad Yassin berkata, kira-kira 3,500 doktor kontrak telah diserap ke jawatan tetap manakala sebanyak 1,500 slot diberikan kerajaan setiap tahun.

“Ada lebih kurang 1,700 doktor yang masih menunggu diserap ke jawatan tetap. Kiranya, nisbah 1:10 kalau ada 1,500, tetapi ada 17,000 doktor,” katanya.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## New HIV infections drop 70% in 20 years

**SEREMBAN:** Malaysia has recorded a 70% drop in the number of new HIV infections over the last 20 years, said Deputy Health Director-General (Public Health) Datuk Dr Norhayati Rusli.

She said the antiretroviral treatment for people living with HIV had increased to 66% last year compared with 28% in 2015.

"The decline in HIV cases and increase in treatment coverage is still insufficient for the country to eliminate AIDS as a public health issue by 2030.

"Inequalities are the obstacle to this effort. Therefore, in ensuring that equality is achieved, the availability, quality and suitability of services for HIV treatment, testing and prevention must be improved," she said at the national-level 2022 World AIDS Day at the Paroi Youth and Sports Complex, here yesterday.

Norhayati said the HIV test-and-treat strategy would continue to be strengthened and improved by introducing HIV self-testing to attract more key population groups and their partners to undergo screening and then treatment. - Bernama